

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HKN 204 Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Kejayaan Hikayat Nur Muhammad terletak kepada kesempurnaan alegori penceritaan, perlambangan yang universal dan falsafah kosmologi serta kosmogoni yang boleh difahami oleh masyarakat tradisional. Bincangkan.
2. Nilai-nilai intelektual, universal dan individual di dalam persuratan Melayu memerlukan penafsiran yang wajar jika setiap satu ingin dikemukakan sebagai ciri 'Zaman Baru' di dalam sejarah persuratan Melayu. Terangkan bagaimana anda memilih ciri tersebut daripada teks persuratan Melayu dan analisiskan ciri tersebut berdasarkan pandangan masyarakat Melayu seperti yang terdapat di dalam kesusasteraannya.
3. "Dari aspek struktur, isi, bahasa dan matlamat, Tajus Salatin boleh dianggap sebagai karya sastera ketatanegaraan yang ulung di antara lain-lain karya di dalam genre yang sama".
Sejauh manakah anda mempersetujui pernyataan ini? Bincangkan.
4. Dengah merujuk kepada Rubai Hamzah Fansuri bincangkan doktrin Sufi tentang manusia dan alam. Adakah doktrin dan karya Hamzah itu dapat menjelaskan kepada kita bahawa sastera hanya boleh difahami jika kita memahami falsafah disebalik karya? Bahaskan.

5. Menurut pengertian Winstedt karya Nuruddin al-Raniri, Hujjat al-Siddiq merupakan sebuah teks teologi. Sejauh manakah ia dapat dianggap sebagai karya sastra? Anda perlu membicarakan berbagai definisi sastra dan persoalan yang berkaitan sebelum mengenalpasti genre karya Nuruddin yang tersebut.

6. Bagaimanakah anda mengenal Amir Hamzah; sasterawan moden atau klasik? Bincangkan persoalan ini daripada sudut idea, doktrin, struktur karya dan biografi tokoh ini.

-ooo000ooo-